

22 OGOS 2017

## Budak maut tercekik biji buah mata kucing



MOHD. FADZIL MOHAMAD (kiri) bersama ahli keluarga di pusara anaknya, Aina Fariha (gambar kecil), yang meninggal dunia akibat tercekik biji buah mata kucing di Tanah Perkuburan Islam Tok Jawa Teratak Pulai, Jelawat, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

## Budak maut tercekik biji buah mata kucing

**BACHOK 21 Ogos** – Seorang bapa tidak menyangka permintaan anaknya untuk makan sebiji lagi buah mata kucing berakhir dengan duka apabila kanak-kanak itu maut tercekik bijinya di Kuarters Pusat Rawatan dan Pemulihian Kandis di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7 petang itu, mangsa, Aina Fariha Mohd. Fadzil, 7, berada dalam keadaan sesak nafas sebelum dilaporkan meninggal dunia ketika dalam perjalanan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Bachok.

Sebelum itu, bapa mangsa, Mohd. Fadzil Mohamad, 36,

telah melakukan pelbagai usaha untuk mengeluarkan biji buah itu namun gagal.

Mohd. Fadzil berkata, Aina Fariha sangat menyukai buah mata kucing dan semalam dia begitu berselera menikmati buah tersebut.

“Aina ada datang kepada saya meminta izin untuk makan lagi sebiji buah mata kucing dan maklumkan itu adalah yang terakhir diminta. Saya pun membuang kulit buah dan memberi kepada dia yang kemudian terus naik ke rumah.

“Selepas itu Aina turun kembali kepadanya sambil meminta

tolong. Pada masa itu, Aina sudah berada dalam keadaan tercekik,” katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Tok Jawa Tera-tak Pulai, Jelawat di sini hari ini.

Katanya, dia cuba mengeluarkan biji buah itu dengan memepuk belakang dan menggunakan pelbagai kaedah lain tetapi tidak berjaya.

Mohd. Fadzil berkata, dia turus membawa anak kedua dari-pada tiga beradik itu ke Klinik Kesihatan Bachok dan sebaik sa-haja tiba, doktor cuba memberikan bantuan pernafasan tetapi kanak-kanak itu telah meninggal dunia.